

Takrif keluarga termiskin perlu dikaji semula

BH 19 NOV 2001

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR, Ahad – Kerajaan diminta mengkaji semula takrif keluarga termiskin di negara ini bagi membolehkan lebih ramai rakyat yang tidak berkemampuan mendapat bantuan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, (Suhakam), Datuk Lee Lam Thye, berkata kerajaan seharusnya mentakrifkan keluarga termiskin berdasarkan taraf kehidupan rakyat hari ini.

Katanya, jika dulu pendapatan bawah RM230 adalah sesuai untuk ditakrif sebagai keluarga termiskin serta layak menerima bantuan PPRT tetapi kini ia tidak lagi sesuai berikutan peningkatan taraf hidup di negara ini.

“Ada rakyat yang berpendapatan RM500 sebulan tetapi masih hidup dalam serba kekurangan dan tidak mampu menghantar anak ke sekolah. Lebih malang lagi jika mereka mempunyai anak yang ramai.

“Golongan ini masih dianggap miskin tapi mereka tidak layak menerima bantuan PPRT berikutan syarat yang ditetapkan kerajaan.

“Jadi, kita berharap kerajaan mengkaji semula takrif keluarga miskin daripada pendapatan bawah RM230 sebulan kepada RM500,” katanya ketika di hubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid mengenai pegawai keselamatan di sebuah syarikat keselamatan di Kangar, Baharuddin Keria, 42, yang mendakwa permohonannya mendapatkan bantuan pembinaan rumah menerusi PPRT sejak dua tahun lalu, tidak mendapat perhatian.

Azmi berkata, siasatan mendapati keluarga itu tidak layak mendapat bantuan pembinaan rumah menerusi PPRT kerana mempunyai pendapatan lebih RM350 iaitu melebihi tahap PPRT, RM230 sebulan.

Menteri itu juga menjelaskan kelulusan permohonan dibuat berdasarkan pelbagai faktor termasuk kedudukan pendapatan dan bilangan ahli keluarga dan bukan disebabkan rumah hampir roboh atau usang.

Lee yang juga aktivis masyarakat berkata, kewujudan PPRT oleh kerajaan adalah langkah terbaik untuk mengurang serta menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan rakyat di negara ini.

“Jika takrif keluarga termiskin hanya mereka yang berpendapatan bawah RM230 sebulan, bermakna masih ramai rakyat kita yang dibelenggu kemiskinan walaupun kerajaan mewujudkan PPRT untuk membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

“Apabila didapati tiada rakyat yang layak dipanggil keluarga termiskin, kita bimbang orang yang tidak berkelayakan mengambil kesempatan di atas peruntukan daripada PPRT,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Lee menyokong arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menteri, menteri besar, wakil rakyat dan pegawai kerajaan turun padang untuk memantau prestasi projek yang dijalankan.

Katanya, selari dengan pendekatan itu, setiap laporan perkembangan projek pembangunan harus disertakan gambar untuk membuktikan kesungguhan mereka yang melaksana dan memantau projek berkenaan.

Lee berkata, tindakan drastik harus diambil kerajaan bagi memantau serta menyenaraihitamkan mana-mana kontraktor yang gagal melaksanakan projek mengikut jadual yang ditetapkan.